

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian sedar di Labuan tidak mempunyai rumah transit dan ini membuatkan golongan-golongan yang berhadapan dengan isu warga emas disisih keluarga dan warga emas yang hidup sebatang kara sementara menunggu kelulusan untuk ditempatkan di rumah Orang Tua di Sabah. Apakah tindakan Kementerian dalam hal ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dan akan terus memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan warga emas bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut khususnya dalam aspek penjagaan jangka panjang (*long-term care*) warga emas yang tidak mempunyai keluarga/penjaga, miskin dan sangat berkeperluan.

Perkhidmatan penjagaan institusi kepada warga emas yang dikendalikan oleh Kerajaan terbahagi kepada dua (2) iaitu institusi warga emas yang diurus oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan institusi warga emas yang di bawah kendalian Kerajaan Negeri. Bagi institusi warga emas di Sabah, ia dikendalikan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

KPWKM melalui JKM menyediakan institusi warga emas iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE) untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Sehingga Oktober 2020, seramai 1,372 warga emas tinggal di RSK.

RE disediakan untuk warga emas yang sakit, uzur dan terlantar (*bedridden*) bagi memberi penjagaan, rawatan dan perlindungan dalam suasana yang selesa dan tenteram. Sehingga Oktober 2020, seramai 219 warga emas tinggal di RE.

Bagi membantu urusan kes warga emas yang terdampar dan tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan, kes boleh ditempatkan secara sementara (satu bulan) di Desa Bina Diri Kota Kinabalu di bawah Seksyen 3(2) Akta Orang Papa 1977 [*Akta 183*].

Sekian, terima kasih.